VOLVO MALAYSIA SDN BHD

lwn.

EFK COMPOSITE TECHNOLOGY SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ABU SAMAH NORDIN H
[PENGGULUNGAN SYARIKAT NO: MT2-28-252-2000]
26 JUN 2002

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Penggulungan - Pelikuidasi - Perlantikan pelikuidasi - Sama ada seorang pelikuidasi persendirian boleh dilantik - Sama ada pelikuidasi yang dicadangkan seorang pelikuidasi yang diluluskan - Akta Syarikat 1965, ss. 10(1)(a), 227(1) - Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972, k. 31(3)*

Pempetisyen telah memfailkan petisyen ini terhadap responden atas alasan bahawa responden berhutang kepadanya sebanyak RM45,575.67 berdasarkan kepada satu penghakiman ingkar terhadap responden. Responden tidak berupaya membayar hutangnya dan hendaklah digulungkan. Petisyen ini adalah teratur dan dengan ini penggulungan syarikat responden dibenarkan dan kos ditaksirkan dan dibayar kepada pempetisyen daripada aset-aset responden. Isu yang menjadi pertikaian ialah mengenai perlantikan pelikuidasi responden. Pempetisyen menamakan pegawai penerima sebagai pelikuidasi sementara sedangkan Public Bank Bhd ('PBB'), sebagai pemiutang yang menyokong petisyen ini, memfailkan satu notis usul supaya seorang pelikuidasi persendirian dilantik sebagai pelikuidasi.

Diputuskan:

[1] Seksyen 227(1) Akta Syarikat 1965 ('Akta') membenarkan seorang pelikuidasi yang diluluskan (approved liquidator) dilantik selain daripada pegawai penerima. Kaedah 31(3) Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 juga memberikan kuasa budibicara kepada mahkamah untuk melantik seorang pelikuidasi atau pegawai penerima, sebagai pelikuidasi. Walaubagaimanapun, tiada bukti di dalam permohonan ini bahawa pelikuidasi yang dicadangkan adalah seorang pelikuidasi yang telah diluluskan di bawah s. 8 Akta, dan jika diluluskan, sama ada tempoh kelulusan masih berkuatkuasa. Seksyen 10(1)(a) Akta menyatakan bahawa seseorang itu tidak boleh bertindak sebagai pelikuidasi jika ia bukan seorang "approved liquidator". Ini adalah satu keperluan undang-undang dan tanpa dibuktikan bahawa pelikuidasi yang dicadangkan adalah seorang pelikuidasi

yang telah diluluskan, permohonan oleh PBB ini tidak boleh dibenarkan. Oleh itu, pegawai penerima, seperti yang dinamakan oleh pempetisyen, hendaklah dilantik sebagai pelikuidasi sementara. (ms 478 h, 479 g & 480 a)

[Diperintah sedemikian.]

Kes-kes yang dirujuk:
Kimlin Housing Development Sdn Bhd v. Bank Bumiputra (M) Bhd & Ors [1997] 3 CLJ 274 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Companies Act 1965, ss. 4, 8, 10(1)(a), 218(2)(a), 227(1)
Companies (Winding-Up) Rules 1972, r. 31(3)

Bagi pihak pempetisyen - TJ Lim; T/n Chan & Assocs
Bagi pihak pemiutang - Sean Yeow; T/n Lee Hishamuddin
Bagi pihak pegawai penerima - Patrick Laing; Penolong Pegawai Penerima, Shah Alam

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Abu Samah Nordin H:

Petisyen
Pempetisyen telah memfailkan petisyen ini terhadap responden atas alasan bahawa responden berhutang kepadanya sebanyak RM45,575.67 berdasarkan kepada satu penghakiman ingkar terhadap responden bertarikh 6 April 1999. Notis tuntutan di bawah s. 218(2)(a) Akta Syarikat 1965 telah diserahkan kepada responden di alamat berdaftarnya pada 29 Ogos 2000. Responden gagal mematuhi notis tersebut dan tidak membayar amaun yang dituntut atau sebahagian daripadanya. Oleh itu responden tidak berupaya membayar hutangnya dan hendaklah digulungkan.

Petisyen ini telah diserahkan kepada responden di alamat berdaftarnya pada 3 April 2001. Sesalinan petisyen tersebut juga telah diserahkan kepada pegawai penerima dan pendaftar syarikat pada 3 April 2001. Responden tidak pernah hadir dan tidak ada memfailkan sebarang afidavit menentang petisyen. Pemiutang sokongan iaitu Public Bank Bhd menyokong petisyen ini.

Saya mendapati petisyen ini adalah teratur dan dengan ini membenarkan syarikat responden digulungkan dan kos ditaksirkan dan dibayar kepada pempetisyen daripada aset-aset responden.

Notis Usul
Isu yang perlu diputuskan seterusnya ialah mengenai perlantikan pelikuidasi responden. Pempetisyen menamakan pegawai penerima sebagai pelikuidasi

sementara. Bagaimanapun, Public Bank Bhd ("PBB") sebagai seorang pemiutang yang menyokong petisyen ini telah memfailkan satu notis usul memohon supaya seorang yang bernama Encik Tee Siew Kai dari Tetuan SK Tee & Co dilantik sebagai pelikuidasi. Saya telah mendengar notis usul ini bersama dengan petisyen.

Permohonan oleh PBB ini dibuat atas alasan bahawa ia adalah pemiutang tunggal yang terbesar kepada responden. PBB telah memberikan kemudahan bank kepada responden berjumlah RM18,195,975.50 dan setakat 15 Mac 2001 amaun yang terhutang kepada PBB ialah RM17,588,863.62. Kemudahan bank tersebut adalah dijamin oleh dua "debentures" di mana responden telah mencagarkan kesemua aset, harta dan "undertaking" kepada PBB. Adalah dihujahkan bahawa perlantikan seorang pelikuidasi persendirian adalah satu cara yang lebih "efficient and expeditious" bagi urusan penggulungan syarikat responden. Pemiutang-pemiutang lain adalah pemiutang-pemiutang tanpa jaminan ("unsecured creditors") dan tidak diprejudiskan dengan perlantikan seorang pelikuidasi persendirian.

Encik Tee Siew Kai telah memberikan persetujuan untuk dilantik sebagai pelikuidasi. Sesalinan surat persetujuannya dieksibitkan sebagai eks. PB1, di dalam affidavit sokongan PBB.

Permohonan PBB ini ditentang oleh pempetisyen atas alasan-alasan seperti yang dinyatakan di dalam afidavit jawapannya. Antara lain, pempetisyen menyatakan bahawa permohonan oleh PBB adalah pramasa oleh kerana ia dibuat sebelum mesyuarat pemiutang-pemiutang dan perjanjian yang dibuat oleh PBB untuk menjual hartanah responden melalui perjanjian persendirian (private treaty) dan bukan melalui lelongan awam adalah bertentangan dengan Kanun Tanah Negara. Peguam responden merujuk kepada *Kimlin Housing Development Sdn Bhd (Appointed Receiver and Manager) (In liquidation) v. Bank Bumiputra (M) Bhd & Ors* [1997] 3 CLJ 274. Pegawai Penerima tidak menentang permohonan PBB.

Saya berpendapat permohonan oleh PBB ini tidak pramasa. Seksyen 227(1) Akta Syarikat membenarkan seorang pelikuidasi yang diluluskan (approved liquidator) dilantik selain daripada pegawai penerima. Kaedah 31(3) Kaedah-Kaedah Penggulungan Syarikat ("KPS") juga memberikan kuasa budibicara kepada mahkamah untuk melantik seorang pelikuidasi (approved liquidator) atau pegawai penerima, sebagai pelikuidasi.

Mengenai perjanjian jualbeli hartanah melalui perjanjian persendirian saya berpendapat keputusan sama ada untuk meneruskan dengan perjanjian tersebut atau sebaliknya akan diputuskan oleh pelikuidasi setelah perlantikannya.

Persoalan yang timbul daripada permohonan PBB ini ialah sama ada pelikuidasi yang dicadangkan adalah seorang "approved liquidator".

Di dalam eks. PB1, Encik Tee Siew Kai hanya menyatakan bahawa ia bersetuju bertindak sebagai pelikuidasi tetapi ia tidak menyatakan bahawa ia adalah seorang pelikuidasi yang diluluskan atau "an approved liquidator". Perenggan kedua eksibit tersebut hanya menyatakan bahawa,

> To the best of my knowledge I am not disqualified from acting as liquidator of the said company by reason of the provisions of section 10 of the Companies Act 1965.

Saya telah merujuk kepada s. 10. Seksyen 10(1)(a) adalah seperti berikut:

> 10(1) Subject to this section a person shall not, except with the leave of the court, consent to be appointed, and shall not act, as liquidator of a company
>
> (a) if he is not an approved liquidator;

Makna "approved liquidator" mengikut s. 4 Akta Syarikat ialah "an approved company auditor who has been approved by the Minister under s. 8 as a liquidator and whose approval has not been revoked".

Kenyataan Encik Tee Siew Kai bahawa ia tidak "disqualified" di bawah s. 10 Akta Syarikat adalah, pada pendapat saya, tidak mencukupi. Ini kerana seseorang yang layak dan diluluskan sebagai auditor syarikat di bawah s. 8 Akta Syarikat tidak secara automatik menjadi pelikuidasi di bawah seksyen tersebut tanpa membuat sebarang permohonan dan tanpa mendapat kelulusan. Walaupun Encik Tee Slew Kai tidak hilang kelayakannya untuk menjadi seorang "approved liquidator" ia perlu memohon kelulusan di bawah s. 8 Akta Syarikat.

Di dalam permohonan oleh PBB ini saya mendapati tidak ada bukti bahawa Encik Tee Siew Kai adalah seorang pelikuidasi yang telah diluluskan di bawah s. 8 Akta Syarikat; jika diluluskan, sama ada tempoh kelulusan masih berkuatkuasa.

Atas alasan tersebut, saya menolak permohonan oleh PBB dan kos permohonan tersebut ditanggung oleh PBB sendiri. Saya tidak membenarkan kos kepada pempetisyen kerana isu sama ada Encik Tee Siew Kai seorang "approved liquidator" tidak dibangkitkan secara langsung oleh pempetisyen. Saya mengambil kira isu ini apabila Encik Tee Siew Kai melalui eks. PB1 mendakwa bahawa ia tidak "disqualified" sebagai seorang pelikuidasi di bawah s. 10 Akta Syarikat. Setelah merujuk kepada seksyen tersebut saya mendapati bahawa s. 10(1)(a) menyatakan bahawa seseorang itu tidak boleh bertindak sebagai

pelikuidasi jika ia bukan seorang "approved liquidator". Ini adalah satu keperluan undang-undang dan tanpa dibuktikan bahawa Encik Tee Siew Kai adalah seorang pelikuidasi yang telah diluluskan di bawah s. 8 Akta Syarikat, permohonan oleh pemiutang sokongan ini tidak boleh dibenarkan. Oleh itu pegawai penerima, seperti yang dinamakan oleh pempetisyen, hendaklah dilantik sebagai pelikuidasi sementara.